

Sokongan bersyarat Malaysia jamin kemerdekaan Palestin

Sepang: Perdana Menteri Datuk, Seri Anwar Ibrahim, berkata sokongan bersyarat Malaysia terhadap pelan damai terkini di Gaza mengambil kira keperluan jaminan kebebasan dan kemerdekaan penuh rakyat Palestin.

Beliau berkata, keputusan yang diambil Kerajaan MADANI mengenai perkara itu turut mengambil kira pendirian negara-negara Arab dan Islam serta keputusan Hamas.

“Mengenai perjanjian itu, saya telah menyatakan dukungan teratas kerana kita masih mahu melihat jaminan kebebasan dan kemerdekaan Palestin,” katanya dalam siaran langsung menerusi Facebook semalam.

Anwar berkata Hamas menerima ketetapan awal yang menuntut pemberhentian serangan, pembebasan Gaza serta penyediaan ruang kemanusiaan, di samping pembebasan semua tahanan sama ada di Gaza atau di Israel.

Namun, katanya butiran lanjut mengenai perjanjian itu perlu diperhalusi bagi memastikan kesepakatan bersama dapat dicapai membabitkan Hamas, negara Arab jiran dan negara Islam lain.

“Bagi pihak Malaysia, apa-apa sahaja yang munasabah, yang diputuskan bersama akan kita lakukan,” kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Menteri Luar,

Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata persetujuan bersyarat Hamas itu dilihat membuka ruang kepada gencatan senjata dan mempercepatkan penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Katanya, langkah itu diharapkan menjadi titik tolak kepada keamanan yang berkekalan di Gaza dan membuka peluang rakyat Palestin menerima bantuan dengan lebih cepat.

“Alhamdulillah saya dapat tahu pagi tadi (semalam) bahawa Hamas telah pun menerima secara bersyarat 20 perkara yang telah diutarakan oleh Presiden Trump untuk menghentikan pembunuhan kejam terhadap ra-

kyat Palestin di Gaza dan juga di Tebing Barat.

Beliau berkata, keputusan Hamas itu adalah langkah penting ke arah menghentikan serangan ke atas Gaza dan memulakan penghantaran bantuan kemanusiaan.

Dalam perkembangan lain, Mohamad juga berkata, kedatangan Trump ke Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur hujung bulan ini dibuat atas nama ASEAN sebagai rakan dialog.

“Malaysia adalah pengerusi ASEAN tahun ini, jadi sebagai pengerusi ASEAN kita menjemput semua ketua negara datang untuk menghadiri Sidang Ke-

muncak ASEAN ke-46 dan 47.

“Sidang Kemuncak Ke-46 sudah selesai dan yang ke-47 akan berlangsung pada 27 dan 28 hari bulan ini. Jadi jemputan ini secara jemputan kepada semua ketua negara.

“Kita tidak boleh pula jemput orang itu, yang ini tak jemput, itu tidak boleh.

“Yang baik kita mesti uruskan ASEAN sebagai negara yang dilihat kumpulan negara yang mengamalkan dasar berkecuali. Itu kekuatan ASEAN.

“*The centrality of ASEAN based on neutrality*’ (keutamaan ASEAN berpaksikan sikap berkecuali). Begitu juga Malaysia,” katanya.